

BUKIT PUTERA

40 anak angkat UMT 26 April *SHT 03/04/07 Pg. T7*

Ahli Dewan Undangan Negeri Langkap, Asha'ari Idris akan merasmikan program peryerahan anak angkat sempena program Bakti Siswa Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan diadakan di Balai Raya Bukit Putera pada 26 April ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Raja Zainal Abiddin Raja Muda berkata program tersebut merupakan kali pertama diadakan di kampung ini yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar universiti berkenaan.

"Seramai 40 orang pelajar dari UMT akan menjadi anak angkat kepada penduduk kampung ini dan pada tarikh tersebut, pelajar-pelajar UMT yang terlibat akan diserahkan kepada keluarga angkat masing-masing," katanya ketika dihubungi Sinar Harian semalam.